

TARIKH : 24 OGOS 2020
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25

RM426.5 juta untuk perumahan generasi baharu FELDA

Projek dilaksana mengikut fasa, fokus siapkan 4,794 unit rumah.

Kuala Lumpur: RM426.5 juta di peruntukkan Kerajaan Persekutuan hingga kini untuk melaksanakan pembinaan Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata FELDA pula menyediakan RM490 juta bagi tujuan sama pada 2013 dan 2014.

"Pada 2017, kerajaan memperuntukkan RM200 juta dan RM180 juta pada 2019, malah melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang diumumkan baru-baru ini, RM46.5 juta disediakan.

"Daripada RM46.5 juta menerusi peruntukan PRIHATIN,



Pada 2017, kerajaan memperuntukkan RM200 juta dan RM180 juta pada 2019.

**Mustapa Mohamed,
Menteri di Jabatan Perdana
Menteri (Ekonomi)**

RM19 juta atau kira-kira 41 peratus adalah untuk Kerteh 5 bagi menyiapkan projek yang terbengkalai, secara berfasa.

"Fasa pertama membabitkan

110 rumah dan fasa kedua ialah 190 rumah. Fasa pertama dijadualkan siap pada suku pertama tahun depan, manakala fasa kedua akan diteruskan selepas keseluruhan 110 unit rumah fasa pertama habis dijual.

"Pembiayaan bagi fasa kedua adalah daripada hasil jualan fasa pertama," katanya pada sesi pertanyaan bagi jawab lisan, di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Che Alias Hamid (PAS-Kemaman) mengenai perincian status terkini rumah PGBF yang terbengkalai di FELDA Kerteh 5, Kemaman.

Mustapa berkata, tumpuan ketika ini adalah menyiapkan 20 tapak projek yang mengandungi 4,794 unit dengan kemajuan kerja melebihi 70 peratus.

"Untuk makluman, daripada 8,314 rumah di atas 38 tapak projek yang dirancang, sebanyak 2,358 rumah siap dibina. Dari pada jumlah itu, sebanyak 1,603 rumah sudah diserahkan kunci kepada peserta," katanya.